

03 NOV 1997

G15-Amerika Selatan

MEKANISME ANTARABANGSA PERLU BAGI MENANGANI MASALAH KEWANGAN

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Presiden Peru, Alberto Fujimori berkata satu mekanisme antarabangsa yang berkesan perlu dalam menangani masalah ketidakstabilan dalam sistem kewangan.

Perkembangan dalam pasaran kewangan dan pasaran saham baru-baru ini menunjukkan saling pergantungan dalam ekonomi dunia, kata beliau.

Beliau juga berkata mengenai perlunya menggiatkan semula dialog Utara-Selatan supaya ia boleh mengambil kira keperluan negara-negara membangun dan membolehkan negara-negara di Selatan memberi respon kepada cabaran globalisasi.

Fujimori yang berucap mewakili benua Amerika Selatan di sidang kemuncak Kumpulan 15 Negara Membangun (G15) berkata, keutamaan bagi negara-negara membangun ialah untuk memasuki pasaran di negara-negara perindustrian.

Sidang kemuncak G15 kali ketujuh selama tiga hari dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, pagi ini.

Melalui proses rantau terbuka, beliau berkata Peru telah menyertai dengan aktif dalam masyarakat negara-negara Andes dan pembentukan zon perdagangan bebas yang lebih kurang sama dengan Mercosur.

Mercosur, ataupun Pasaran Bersama Selatan dibentuk pada 1990 dan keempat-empat anggotanya ialah Argentina, Brazil, Paraguay dan Uruguay.

Peru juga berharap untuk menganggotai forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dengan tujuan meningkatkan sistem perdagangan bebas multilateral, kata Fujimori.

"...kita mesti meningkatkan kerjasama antarabangsa yang lebih bermakna kerana ia penting demi kemakmuran negara kita," kata beliau.

Beliau berkata, G15 yang menerima Kenya sebagai anggota ke 16 hari ini memainkan peranan penting dalam menjana pelaburan dan peluang perniagaan di kalangan negara-negara anggota.

G15 dibentuk pada 1989 dan anggota-anggotanya adalah dari benua Asia, Afrika dan Amerika Selatan. -- BERNAMA

HAK AZZ PR